

MAHATHIR-AWAS

1983

KUALA LUMPUR, 10 OKT. (BERNAMA)-- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN KUMPULAN ORANG YANG CUBA MENJADIKAN NEGERA INI SEBUAH REPUBLIK BAHAWA MEREKA +AKAN MENERIMA KEJUTAN+ JIKA MENERUSKAN KOMPLOT MEREKA ITU.

+PADA MASA INI KITA TIDAK MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN TERHADAP MEREKA TETAPI KITA SEDANG MEMERHATIKANNYA,+ PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SEBAGAI MENGULAS KENYATAAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM, BARU-BARU INI BAHAWA KUMPULAN ITU TELAH DIPENGARUHI OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN SEBUAH NEGERA REPUBLIK ISLAM YANG MNDAKWA ORANG -ORANG ISLAM TIDAK SEHARUSNYA MENGAMALKAN SISTEM PEMERINTAHAN BERAJA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK TAHU APAKAH YANG DICARI OLEH KUMPULAN ITU TETAPI +JIKA MEREKA BERFIKIR MEREKA HENDAK MENUBUHKAN SEBUAH NEGERA REPUBLIK DI MALAYSIA, MEREKA AKAN TERKEJUT+.

LAPORAN PERISIKAN DIKATAKAN MENUNJUKKAN BAHAWA KUMPULAN REVOLUSI ITU TERDIRI DARIPADA BEBERAPA ORANG PEMIMPIN PARTI PEMBANGKANG, PEGAWAI-PEGAWAI TENTERA DAN EKSEKUTIF BANK TEMPATAN.

--- LAGI 1636/0M  
NNNN

ZCZC 8589:

MAHATHIR-AWAS 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN ENGGAN MENJELASKAN ORANG YANG TERLIBAT ITU SAMADA ANGGOTA-ANGGOTA PEMBANGKANG YANG TERLIBAT ITU DARI PEMIMPIN TINGGI ATAU AHLI BIASA.

+SAYA TIDAK BOLEH MENJELASKAN LAPORAN PARA PERISIK ITU,+ KATA-NYA.

BAGAIMANAPUN DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBAGAIMANA SEMUA KUMPULAN, MEREKA ADALAH BERMULA SECARA KECIL TETAPI +ANDA TIDAK TAHUN BAGAIMANA SEGALA-GALANYA INI BERKEMBANG.+

+IA MUNGKIN SEPERTI KEBAKARAN HUTAN YANG MEREBAK ATAU HANYA SEPERTI API DALAM SEKAM,+ TAMBAH BELIAU.

PAS TELAH MENAFIKAN PENGLIBATANNYA DENGAN MENYATAKAN BAHAWA PARTI TERSEBUT TIDAK KENA MENGENA DENGAN SEBARANG RANCANGAN UNTUK MENUKARKAN CORAK PEMERINTAHAN SEKARANG KEPADA REPUBLIK ISLAM.

MENGULAS KENYATAAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +PAS TIDAK MENAFIKAN FAKTA BAHAWA SETENGAH-SETENGAH DARI ANGGOTANYA TERLIBAT.

+SAMADA ITU PENDIRIAN RASMINYA ATAU TIDAK, ADALAH SATU KENYATAAN BAGAWA SETENGAH-SETENGAH DARI ANGGOTANYA ADA TERLIBAT.+ -- BERNAMA 1640/0M